




# YES JOM UBAH!

24.9595  
YES  
Ketua

ng Wong Ho Leng

Kembara Bergambar Pilihan Raya Negeri Sarawak 2011  
Jalai Pengawa Bepilih Kunsil Negeri Sarawak 2011



# YES JOM ARAM NEH BER UBAH!

Ketua Pengarang Wong Ho Leng

Kembara Bergambar Pilihan Raya Negeri Sarawak 2011  
Jalai Pengawa Bepilih Kunsil Negeri Sarawak 2011



PUSTAKA PERDANA



1008899

**Yes, Jom UBAH! Kembara Bergambar Pilihan Raya Negeri Sarawak  
Yes, Aram Neh Berubah! Jalai Pengawa berpilih Kunsil Negeri Sarawak**

Ketua Pengarang: Wong Ho Leng

Dikemaskini dan Diterjemah oleh :

Amaluddin Zhafir

Cheong Wey Jin

Chung Hosanna

Ivy Kwek Ai Wei

Khor Huey Ying

Lee Jiin Yng

Ng Pei Mun

Ooi Leng Hang

Penny Yong Kiat

PM Wang

Sam Leong

Suki Wong Shu Qi

Tan Swee Boon

Wan Hamidi Hamid

Ribuan terima kasih kepada:

Bridget Welsh

Lim Tzyy Ang

Malaysiakini

Regina Lee

Thing Siew Shuen

Ting Jeck Seng

Reka Bentuk dan Format Kandungan oleh GENTA MEDIA

Diterbitkan oleh:

The Rocket

Blok A, Tingkat 2, Wisma Wenworth Hotel KL, Jalan Yew,

Off Jalan Klang Pudu, 55100 Kuala Lumpur.

Dicetak oleh:

Vinlin Press Sdn Bhd (25680-X)

No.2, Jalan Meranti Permai 1, Meranti Permai Industrial Park,

Batu 15, Jalan Puchong, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.

Terbitan Pertama: Ogos 2011

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN 978-983-9820-44-7

Wong, Ho Leng

Yes jom ubah! : kembara bergambar pilihan raya negeri Sarawak = Yes, aram neh berubah! : jalai pengawa bepilih kunsil negeri Sarwak 2011/ ketua pengarang Wong Ho Leng.

ISBN 978-983-9820-44-7

1. Elections--Sarawak. 2.Sarawak--Politics and government. I. Judul.

324.959522

**Hakcipta © ROCKET**




Hakcipta terpelihara. Tiada satu pun bahagian daripada terbitan ini boleh diterbit semula, disimpan dalam sistem dapatan msemula, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa jua cara, tanpa kebenaran penerbit terlebih dahulu. Penulis adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pendapat dan pandangan yang dinyatakan dalam buku ini yang mana tidak semestinya menggambarkan pendapat penerbit.


Jika terdapat kecacatan seperti muka surat yang hilang atau kesilapan dalam penjilidan, sila pulangkan buku ini kepada pihak penerbit untuk ditukar ganti.

324.9595  
ye

# Kandungan / Isi



<b>Prolog / Wong Ho Leng</b>	<b>VI</b>
<b>Menggerakkan Jentera Perubahan Ngerak Ke Jentera Perubah</b>	<b>1</b>
<b>Mengembalikan Hak Rakyat: Gerakan Untuk Perubahan Mulai Ke Hak Rakyat: Bejalai Nuju Perubahan</b>	<b>16</b>
<b>Perjuangan Untuk 416 Perang Ngagai 416</b>	<b>34</b>
<b>10 Hari Kempen Pllihan Raya Negeri Sarawak 10 Hari Pengawa Bepilih Sarawak</b>	<b>40</b>





**Ubah menjadi rebutan!  
Untuk Perubahan!  
Untuk Pembaharuan!  
Kami mahu UBAH!**

**Begila ngau Ubah!  
Deka Berubah!  
Nuju Pemansang!  
Kami ka ke UBAH!**



## Prolog

Sekeping kertas yang tergumpal diletakkan di atas meja di depan Lim Guan Eng, Setiausaha Agung DAP, dalam satu sidang akhbar di Hotel Paramount di Sibu. Ketua Menteri Pulau Pinang itu menuding jarinya kepada gumpalan kertas tersebut ke arah Nombor 13 dan berkata, "Jika kita dapat Piasau, kita akan menang 13 kerusi!"

Itu adalah sehari sebelum hari membuang undi. Pada ketika itu kami sudah pun dapat mengagak keputusan yang mungkin diperolehi di Miri berikutan kehadiran besar sepanjang ceramah-ceramah DAP di Miri.

Saya mengangguk tanda setuju apabila para wartawan menoleh ke arah saya. Ia bukan satu impian yang mustahil. Apa pun, semua impian adalah baik belaka. Saya ingin katakan bahawa 14 bulan sebelum pilihan raya umum 2008, beberapa orang kami (Lim Kit Siang, Lim Guan Eng, Chow Kon Yeow, Chong Eng, Teresa Kok, Anthony Loke dan saya) duduk dalam sebuah kedai kopi di Cameron Highlands, berhempas pulas mencari jalan bagaimana mahu memenangi Pulau Pinang dalam PRU 2008. Daripada satu kerusi DUN sahaja (yang dimenangi dalam PRU 2004), memang tak disangka sama sekali apabila impian kami tercapai 14 bulan kemudian.

Lama sebelum Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan, kami telah siap merangka satu strategi untuk mencapai matlamat pilihan raya. Rundingan kerusi dengan parti-parti sahabat agak lembab, tetapi sasaran dan misi kami adalah jelas.

Satu Jawatankuasa Pilihan Raya DAP ditubuhkan. Pelan pilihan raya cepat-cepat disiapkan. Saya cadangkan supaya dihasilkan satu maskot untuk pilihan raya – burung negeri Sarawak – kenyalang. Saudara Ooi Leng Hang dengan penuh tumpuan mula membuat reka bentuk maskot itu. Dua minggu kemudian, dua draf cadangan ditunjukkan kepada kami. Kami memilih reka bentuk yang paling comel. Saudara Chong Chieng Jen memberi nama "Ubah". Ia menjadi bahan paling laris. Ia juga menjadi simbol yang paling terkenal untuk perubahan.

Di ibu pejabat DAP kira-kira tiga bulan sebelum PRN Sarawak, saya berbincang dengan panjang lebar bersama Jawatankuasa Pilihan Raya DAP. Saya memberitahu Saudara Dr. Hew Kuan Yew sebagai Ketua Unit Kempen Publisiti DAP bahawa: "Saya mahu 12 kerusi DUN. Tidak kurang dari itu. Saya akan belanja awak makan empurau kalau kita dapat 12 kerusi". Tidak ramai kakitangan ibu pejabat tahu apa itu "empurau". (Ikan empurau terkenal di Sungai Rajang)

Kami yakin dapat mempertahankan kerusi-kerusi DUN yang dimenangi dalam PRN 2006. Piasau adalah kubu kuat Presiden SUPP Dr George Chan yang juga merupakan Timbalan Ketua Menteri Sarawak. Tetapi kami tetap mahu memecahkan kekuatan kubu itu. Paisau berada di tangga ke-13 dalam senarai DUN yang kami mahu menangi; 13 bererti antara yang sukar dimenangi.

Mengikut senarai boleh-menang kami, bermula dengan yang paling cerah dimenangi adalah: 1. Bukit Assek; 2. Padungan; 3. Pending; 4. Pelawan; 5. Kidurong; 6. Meradong; 7. Pujut; 8. Kota Sentosa; 9. Repok; 10. Bawang Assan; 11. Dudong; 12. Batu Kawah; 13. Piasau; 14. Simanggang; 15. Bukit Kota.

Kami bekerja keras dalam kempen pilihan raya. Kami tiada wang untuk menjemput para penyanyi dan penghibur terkenal sebagai mana yang dianjurkan oleh SUPP. Tetapi dari Kuching ke Miri, ceramah-ceramah kami dihadiri ribuan rakyat anak negeri. Mereka seperti ombak besar yang melimpah serta menggerakkan usaha kami. Malah, seperti menyedari mereka sedang mencipta sejarah, ramai yang mengambil gambar serta bergambar bersama kami. Dalam masa 3 atau 4 hari sahaja, 20,000 patung lembut "Ubah" bersaiz kecil dan 3,000 saiz besar habis dijual. Burung kenyalang masih berterbangan bebas dilindungi di Sarawak tetapi patung kenyalang "Ubah" sudah "pupus". Namun, rakyat mahu lagi.

Keputusan PRN Sarawak tidak mencapai matlamat kami. Memang kami menang di Piasau tetapi gagal memenangi 13 kerusi. Pada malam keputusan diumumkan, saya menangis. Saya enggan diangkat oleh para sahabat untuk menyambut kemenangan saya di kawasan sendiri. Saya rasa bertanggungjawab dengan kegagalan kami di Bawang Assan serta tidak dapat menubuhkan "Tok Uban". Pakatan Rakyat tidak dapat menubuhkan kerajaan negeri, malah gagal menafikan majoriti dua pertiga Barisan Nasional dalam DUN Sarawak.

Namun, ia tetap satu kejayaan cemerlang. Kejayaan untuk rakyat. Rakyat telah bersuara dengan lantang dan jelas. Sebenarnya prestasi kami amat baik sekali. Kami mendapat sokongan bukan sahaja daripada pengundi kaum Cina tetapi juga pertambahan undi yang besar dari kalangan kaum Dayak, Melanau dan Melayu.

Dan jangkaan saya masih tepat. Kami menambah perwakilan dalam DUN dua kali ganda, daripada 6 kepada 12 Adun. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua pengundi yang memilih kami.

Mungkin PRN Sarawak 2011 adalah fenomena yang paling menarik minat semua dalam sejarah pilihan raya Malaysia. Ia juga satu peristiwa bergambar yang paling penting.

Buku ini mengandungi kembara bergambar kempen kami di merata pelusuk negeri Sarawak. Gambar-gambar yang dimuatkan dipilih secara berhemat untuk dicatatkan sebagai sebahagian daripada sejarah Sarawak yang mana ramai di antara kita menjadi saksi kepada satu perubahan besar.

Parti kami telah awal-awal lagi menetapkan betapa pentingnya PRN Sarawak. Atas sebab inilah beratus-ratus pemimpin kebangsaan dan negeri DAP telah hadir untuk membantu kami dalam kempen pilihan raya ini. Kepada mereka, saya ucapkan jutaan terima kasih.

Kami akan bekerja dengan lebih gigih lagi kerana aspirasi dan keperluan rakyat perlu dipenuhi.

Untuk seketika ini, biarlah maskot Ubah kami menunjukkan kepada anda semua bagaimana perubahan besar ini berjaya dicapai. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kumpulan pengarang dan penerbit atas kejayaan mereka menghasilkan buku ini.

Wong Ho Leng  
Pengerusi Dap Sarawak  
17 Julai, 2011

## Prolog

Sitik kertas diberi ngagai iya maya betemu ngau bala press ba Hotel Paramount ba Sibulim Guan Eng, nya meh Secretary General DAP ngau Kepala Menteri Pulau Pinang nunjuk ke lumor 13 lalu iya madah, "enti kitai menang kerusi Piasau, kitai ulih menang 13 itik kerusi!"

Nya malam sebedau hari muai undi, kami ulih ngumpul bala mayuh ninga ceramah ngau ngasai pengangat semangat pengawa bepilih.

Aku baka urang ke bemimpi, tang nya meh kitai meda bemimpi nya manah. 14 bulan sebedau Pengawa Bepilih besai 2008, kami ((Lim Kit Siang, Lim Guan Eng, Chow Kon Yeow, Chong Eng, Teresa Kok, Anthony Loke ngau aku) duduk ba kedai kupimikir cara keni deka menang ba Penang! nda nyangka-nyangka, mimpi kami nya nyadi mat maya kami ulih megai negeri penang tu 14 bulan udah nya!

Sebedau kunsil negeri Sarawak "dibubar", kami udah mikir keni ke cara kena menang. Target ngau tuju kami terang.

Komiti pengawa bepilih digaga. Kami pan 'plan' semua utai ke perlu. Aku meri buah pikir nya meh kami deka ngaga maskot kena pengawa bepilih tu, nya meh burung kenyalang- burung nyadi ke tanda Sarawak. Ooi Leng Heng ngaga ke 'design' maskot tu. Dua minggu udah nya draft iya pan siap ngau kami udah nya milih design ke paling bajik gamal iya; 'cute'. Chong Chieng Jen merik nama iya -- "Ubah". Uдах nya, maskot nya nyadi ke simbol ngagai berubahan ba pengawa bepilih.

Ba opis DAP 3 bulan sebedau pengawa bepilih, aku ngau bala komiti ke bukai bergelumu ngau berbincang. Aku madah ngau Dr. Hew Kuan Yew (DAP campaign publicity unit chief), "aku ka 12 kerusi, nda kurang ari nya, enti kitai ulih menang 12 kerusi, aku melanja nuan makai empurau". Nda mayuh staff ba opis nemu nama nya empurau.

Kami 'confident' ulih menang baru bala kerusikeudeh menang ba taun 2006. Piasau ke paling tusah laban iya tempat president SUPP, nya meh Dr George Chan, sapit kepala menteri Sarawak. Tang kami deka menang ba kerusi nya. Kerusi nya di engkah ba lumor 13 ba list, tanda iya kerusi ke paling tusah deka di memang. [List iya :1. Bukit Assek; 2. Padungan; 3. Pending; 4. Pelawan; 5. Kidurong; 6. Meradong; 7. Pujut; 8. Kota Sentosa; 9. Repok; 10. Bawang Assan; 11. Dudong; 12. Batu Kawah; 13. Piasau; 14. Simanggang; 15. Bukit Kota.]

Kami berkimpin amai-amai. Ari Kuching datai ke Miri, bala mayuh bergumpul ninga ceramah. Sida udah baka gelombang ke nulak kami. Dalam 3 atau 4 hari, 20,000 patung ubah ke mit ngau 3,000 ke besai ambis. Tang bala mayuh agi ka ngau maskot nya.

Putus pengawa tu nda baka ke deka kami. Kami menang ba Piasau, tang nda ulih menang 13 kerusi. Demalam pemutus nya, aku nyabak, ngai ngerami ke menang ngau bala bukai. Aku ngasai ke diri bisi tanggungjawab laban kami nda ulih menang ba Bawang Assan ngau nda ulih ngalah ke 2/3 majoriti BN ba pengawa bepilih Kunsil Negeri tu.

Tang nya meh berita ke manah ngagai bala semua. sidak iya berami ngau bejaku , kami sebenar nya udah ngaga ke pengabis manah. Kami disukung oleh bansa cina, pia mega bala sidak Dayak, Melanau ngau Melayu.

Udah dalam jangka aku, kami ulih nambah bilang kami ba dalam kunsil negeri, ari 6 nyadi ke 12 iko. Aku mesti berterima kasih ngagai semua ke nyukung kami.

Tu meh pengawa bepilih ke paling manah dalam sejarah pengawa bepilih Malaysia. nya meh iya mesti ke deka simpan dalam gambar mega.

Buku tu nyimpan gambar pejalai kimpin kami ba Sarawak. Semua gambar tu dipilih ngau manah ngau ulih nyadi ke rekod kena sejarah ke di peda sampai jemah ila.

Parti kami udah nunjuk ke penting iya dalam pengawa bepilih tu. Kebuah nya, beratus bala kaban ba parti udah kerja ngau manah nulung kami ba pengawa tu. Aku deka meri mayuh terima kasih ngagai sida.

Kami deka kerja ngau kuat agi, laban niat ngau peminta rakyat mesti deka di gaga.

Diatu, awak ke maskot kami mantai ke chara kami ngaga semua nya. Aku deka terima kasih ngau tahniah ngagai bala sida 'publishing' ngau editor bup tu.

Wong Ho Leng  
Pengerusi Dap Sarawak  
17th July, 2011